

PROMOSI GANJARAN TAHUN BARU CINA 2026 eDEPOSIT TETAP/eDEPOSIT TETAP-i **(English Version)**

TEMPOH PROMOSI

"Promosi Ganjaran Tahun Baru Cina 2026 eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i" ("Promosi") Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) ("**HLB**") dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) ("**HLISB**") (secara kolektif dirujuk sebagai "**Bank**") bermula pada 29 Januari 2026 dan berakhir pada 3 Mac 2026, ("**Tempoh Promosi**") termasuk kedua-dua tarikh, melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Terma dan syarat berikut adalah terpakai untuk Promosi ("**T&S**");

KELAYAKAN

1. **Promosi ini terbuka kepada semua pemegang akaun individu yang baharu dan sedia ada** yang mempunyai Akaun Semasa atau Simpanan HLB/Akaun Semasa-i atau Simpanan-i HLISB ("**CASA/CASA-i**") yang memenuhi salah satu atau kedua-dua kriteria berikut ("**Pelanggan**") semasa Tempoh Promosi:

Kriteria #1

- (i) Berdaftar untuk HLB Connect Online (laman web) dan/atau HLB Connect App (secara kolektif dirujuk sebagai "**HLB Connect**"); dan/atau
- (ii) Buka dalam talian akaun eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i ("**eFD/eFD-i**") melalui HLB Connect ("**Akaun eFD/eFD-i**"), atau akaun Bersama eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i ("**eFD/eFD-i Bersama**") melalui HLB Connect Online ("**Akaun eFD/eFD-i Bersama**") (secara kolektif dikenali sebagai "**Akaun Penyertaan eFD/eFD-i**").

Kriteria #2

- (i) Pelanggan telah meletakkan Dana Baharu ke dalam Akaun Penyertaan eFD/eFD-i mereka semasa Tempoh Promosi.
2. Bagi mengelakkan keraguan:
 - (i) Pelanggan Baharu merujuk kepada pelanggan yang tidak memegang sebarang Akaun Penyertaan eFD/eFD-i dengan Bank sebelum Tempoh Promosi;
 - (ii) Pelanggan Sedia Ada merujuk kepada pelanggan yang memegang sebarang Akaun Penyertaan eFD/eFD-i dengan Bank sebelum Tempoh Promosi; dan
 - (iii) Pelanggan Bukan Individu seperti persatuan, kelab, sekolah, pertubuhan, organisasi tidak berasaskan kepada keuntungan, pemilik tunggal, perkongsian, perkongsian liabiliti terhad dan pengamal profesional, syarikat dan badan korporat yang berdaftar atau diperbadankan dengan sewajarnya di Malaysia, **ADALAH TIDAK LAYAK** untuk menyertai Promosi ini.
 3. Bagi tujuan Promosi ini, "**Dana Baharu**" bermaksud dana untuk penempatan eFD/eFD-i atau eFD/eFD-i Bersama mestilah daripada bank lain (iaitu dana segar) dan dipindahkan melalui Financial Process Exchange ("**FPX**"). Amaun deposit maksimum setiap transaksi tertakluk pada amaun maksimum/had pemindahan yang ditetapkan dalam perbankan internet individu Pelanggan yang diselenggarakan dengan bank berkenaan.

4. Pelanggan yang telah melakukan sebarang tindakan penipuan, menyalahi undang-undang atau perbuatan yang salah berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflian pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi atau telah mengingkari mana-mana terma dan syarat yang terkandung di dalam T&S ini, Terma dan Syarat Am Akaun, Terma dan Syarat Penggunaan HLB Connect, terma dan syarat yang berkenaan dengan CASA/CASA-i dan Akaun eFD/eFD-i Hong Leong **TIDAK** layak menyertai dan/atau akan serta-merta dilucutkan kelayakannya daripada menyertai Promosi ini.
5. Promosi ini sah dengan promosi-promosi lain yang ditawarkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

KAEDAH PROMOSI

6. Terdapat dua (2) kategori hadiah ("**Kategori Hadiah**") berdasarkan kumpulan pemenang ("**Kumpulan Pemenang**") di bawah Promosi ini, seperti yang ditunjukkan dalam [Jadual 1](#) di bawah. Untuk menyertai kategori masing-masing, Pelanggan mesti memenuhi prasyarat berikut berdasarkan kategori yang berkaitan semasa Tempoh Promosi untuk layak menerima hadiah-hadiah berikut ("**Hadiah**") seperti yang ditunjukkan di bawah:

Jadual 1

Kategori Hadiah	Kumpulan Pemenang	Kaedah Pemilihan Pemenang	Jumlah Pemenang
<u>Hadiah Utama:</u> Baucar pelancongan (" Baucar Pelancongan ") untuk 2 orang ke mana-mana destinasi di China bernilai RM5,000, yang dikeluarkan oleh Mega Air Travel (M) Sdn Bhd (179057M (198901001751)) (" Mega Air Travel ") untuk: - Tiket penerbangan pergi dan balik untuk 2 orang; dan - Penginapan hotel	Pelanggan Sedia Ada	1. Melakukan penempatan Dana Baharu minimum RM1,000 ke dalam Akaun eFD/eFD-i ATAU Akaun Bersama eFD/eFD-i mereka; dan 2. Tiga (3) Pelanggan pertama dengan nilai penempatan kumulatif tertinggi sepanjang Tempoh Promosi akan dipilih sebagai pemenang (" Pemenang ").	3
	Pelanggan Baharu	1. Berjaya membuka Akaun Penyertaan eFD/eFD-i semasa Tempoh Promosi; 2. Melakukan penempatan Dana Baharu minimum RM1,000 ke dalam Akaun eFD/eFD-i ATAU Akaun Bersama eFD/eFD-i mereka; dan 3. Tiga (3) Pelanggan pertama dengan nilai penempatan kumulatif tertinggi sepanjang Tempoh Promosi akan dipilih sebagai Pemenang.	3

Hadiah Saguhati: 1gm bullion emas 999.9 ("Bullion Emas")	Pelanggan Sedia Ada	1. Melakukan penempatan Dana Baharu minimum RM1,000 ke dalam Akaun eFD/eFD-i ATAU Akaun Bersama eFD/eFD-i mereka; dan 2. Sepuluh (10) Pelanggan seterusnya dengan nilai penempatan kumulatif tertinggi sepanjang Tempoh Promosi akan dipilih sebagai Pemenang.	10
	Pelanggan Baharu	1. Berjaya membuka Akaun Penyertaan eFD/eFD-i semasa Tempoh Promosi; 2. Melakukan penempatan Dana Baharu minimum RM1,000 ke dalam Akaun eFD/eFD-i ATAU Akaun Bersama eFD/eFD-i mereka; dan 3. Sepuluh (10) Pelanggan seterusnya dengan nilai penempatan kumulatif tertinggi sepanjang Tempoh Promosi akan dipilih sebagai Pemenang.	10

7. Pemenang yang pertama mencapai nilai penempatan kumulatif tertinggi, seperti yang direkodkan oleh Bank, akan memenangi Hadiah berdasarkan siapa cepat dia dapat, sehingga jumlah Pemenang bagi setiap Kategori Hadiah telah diperuntukkan sepenuhnya, seperti yang ditunjukkan dalam [Jadual 1](#) di atas.

Bagi mengelakkan keraguan, sebarang pengeluaran termasuk pengeluaran pramatang dari keseluruhan amaun penempatan eFD/eFD-i atau eFD/eFD-i Bersama sebelum tarikh tamat Tempoh Promosi atau sebelum pemilihan Pemenang oleh Bank, akan menyebabkan Pelanggan hilang kelayakan untuk memenangi Hadiah di bawah Promosi ini.

8. Setiap Pemenang hanya layak menerima **satu (1) Hadiah** sahaja (sama ada Hadiah Utama atau Hadiah Saguhati) sepanjang Tempoh Promosi.

PENGUMUMAN & PEMENUHAN PEMENANG

9. Senarai Pemenang akan diterbitkan di <https://www.hlb.com.my/efd> ("**Laman Web Promosi**") pada **30 Jun 2026**. Adalah menjadi tanggungjawab Pemenang untuk menyemak sama ada mereka telah menang dengan melayari Laman Web Promosi pada tarikh yang ditetapkan.
10. Pemenang akan dihubungi oleh Bank melalui notifikasi tolak HLB Connect App ("**Notifikasi Aplikasi**") dan/atau SMS pada **3 Julai 2026**. Pemenang dikehendaki **memberi maklum balas** dan/atau **memberikan maklumat terkini dan sah mereka** (seperti alamat rumah/pejabat (di dalam Malaysia sahaja), nombor telefon bimbit, dan lain-lain) kepada Bank selewat-lewatnya pada **17 Julai 2026**, jika gagal, Hadiah tersebut akan terbatal. Sekiranya Bank tidak dapat menghubungi Pemenang pada tarikh yang ditetapkan di atas (termasuk tetapi tidak terhad kepada, tiada jawapan kepada Notifikasi Aplikasi kami, dan

lain-lain), Pemenang tersebut akan hilang kelayakan secara automatik dan Hadiah akan terbatal.

11. Sekiranya Pemenang memilih untuk tidak menerima Hadiah selepas dimaklumkan oleh Bank, keengganan tersebut akan dianggap sebagai penolakan oleh Pemenang dan tiada penggantian atau pertukaran Hadiah akan dilayan dan Bank berhak untuk memberikan Hadiah tersebut kepada Pemenang yang lain. Sebarang permintaan pembatalan dan/atau bayaran balik setelah penebusan Hadiah disahkan adalah dilarang sama sekali.
12. Terma dan syarat untuk Pemenang **Hadiah Utama**:
 - (i) Pemenang akan menerima Baucar Pelancongan yang dikeluarkan oleh Mega Air Travel antara **17 Ogos 2026 dan 28 Ogos 2026**.
 - (ii) Adalah menjadi kewajipan Pemenang untuk memberikan maklumat terkini dan sah mereka, dan Bank atau syarikat kurier yang dilantik tidak akan bertanggungjawab sekiranya Bank atau syarikat kurier yang dilantik tidak dapat menghubungi Pemenang bagi tujuan pemenuhan/penghantaran atau pengambilan Hadiah atas apa-apa sebab sekalipun.
 - (iii) Adalah menjadi tanggungjawab Pemenang untuk melakukan penebusan, tempahan dan/atau urusan perkhidmatan berkaitan pelancongan dengan Mega Air Travel, dan Pemenang adalah tertakluk pada terma dan syarat yang ditetapkan oleh Mega Air Travel:
 - (a) Baucar Pelancongan tidak boleh dikembalikan, tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai;
 - (b) Penebusan adalah terhad kepada satu penggunaan sahaja. Penebusan berkala secara berbilang adalah tidak dibenarkan;
 - (c) Sebarang perkhidmatan pelancongan berkaitan atau kos sampingan pelancongan yang melebihi nilai Baucar Pelancongan hendaklah ditanggung oleh Pemenang semasa tempahan dibuat. Walau bagaimanapun, jika nilai penebusan adalah kurang daripada nilai Baucar Pelancongan, tiada pemulangan wang akan diproses;
 - (d) Baucar Pelancongan adalah sah untuk tempoh satu (1) tahun dari tarikh pengeluaran;
 - (e) Penebusan Baucar Pelancongan adalah tidak sah semasa pameran Persatuan Ejen-Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA Fair) atau tempoh promosi; dan
 - (f) Pemenang mestilah mengemukakan kad pengenalan (KP/Pasport) dan baucar pelancongan asal semasa penebusan di Mega Air Travel.
 - (iv) Bank tidak mempunyai kawalan ke atas urusan yang termasuk tetapi tidak terhad kepada tiket penerbangan dan/atau penginapan hotel. Sekiranya berlaku pertikaian berkaitan Baucar Pelancongan, Pemenang hendaklah berurusan terus dengan Mega Air Travel.
 - (v) Baucar Pelancongan adalah sah untuk digunakan sehingga tarikh yang dinyatakan pada Baucar Pelancongan masing-masing. Jika Baucar Pelancongan kekal tidak digunakan selepas tarikh tamat tempoh yang dinyatakan dalam terma dan syarat Baucar Pelancongan, Bank tidak akan bertanggungjawab atas pelanjutan tempoh sah atau penggantian Baucar Pelancongan tersebut. Selain itu, Bank tidak akan memberikan bayaran balik atau ganti rugi untuk jumlah yang tidak digunakan jika Pemenang gagal menggunakannya sepenuhnya.
13. Terma dan syarat untuk Pemenang **Hadiah Saguhati**:

- (i) Pemenang akan dihubungi oleh syarikat kurier yang dilantik oleh Bank untuk penghantaran atau pengambilan Hadiah (contohnya, pengambilan sendiri di syarikat kurier jika tiada sesiapa di alamat anda) antara **17 Ogos 2026 dan 28 Ogos 2026**, jika gagal, Hadiah tersebut akan terbatal.
 - (ii) Adalah menjadi kewajipan Pemenang untuk memberikan maklumat terkini dan sah mereka, dan Bank atau syarikat kurier yang dilantik tidak akan bertanggungjawab sekiranya Bank atau syarikat kurier yang dilantik tidak dapat menghubungi Pemenang bagi tujuan pemenuhan/penghantaran atau pengambilan Hadiah atas apa-apa sebab sekalipun.
14. Semua Hadiah tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan model lain, tunai, kredit pendahuluan, cek atau faedah dalam bentuk barangan.
15. Bank tidak memberi sebarang representasi atau jaminan berkenaan dengan kualiti atau kesesuaian Hadiah (termasuk tetapi tidak terhad kepada tempoh sah dan/atau penggunaan Hadiah) dan tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan mana-mana Hadiah yang hilang, dicuri atau rosak (sama ada disebabkan oleh kecacatan pada bahan atau pertukangan oleh pengilang/vendor di bawah jaminan atau sebaliknya). Pemenang hendaklah, atas kos dan perbelanjaan sendiri, berurusan terus dengan pengilang/vendor untuk sebarang pertanyaan, pertikaian, maklumat jaminan atau tuntutan berkaitan Hadiah tanpa sebarang rujukan kepada Bank. Segala risiko, kerugian, kerosakan dan/atau kecederaan yang berkaitan dengan penggunaan Hadiah akan ditanggung oleh Pemenang.
16. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak bertanggungjawab atas segala liabiliti yang timbul daripada sebarang penangguhan atau kelewatan dalam menyediakan Hadiah disebabkan oleh sebarang keadaan luar jangka di luar kawalan munasabah Bank.
17. Bank berhak untuk menggantikan Hadiah dengan mana-mana item lain atau Pulangan Tunai dengan nilai yang sama mengikut budi bicaranya dengan notis terlebih dahulu.
18. Semua Hadiah akan disediakan atas dasar "Seperti Seadanya". Hadiah yang dipaparkan dalam semua bahan cetak dan/atau laman web HLB di <https://www.hlb.com.my> ("**Laman Web Bank**") adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Sebarang prop, aksesori atau peralatan yang dipaparkan bersama Hadiah dalam mana-mana bahan bergambar adalah untuk tujuan hiasan dan tidak akan menjadi sebahagian daripada Hadiah

AM

19. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan bersetuju:
- (i) telah membaca, memahami, dan bersetuju untuk mematuhi T&S di sini, Terma dan Syarat Am Akaun, Terma dan Syarat Penggunaan HLB Connect dan Terma dan Syarat Akaun eFD/eFD-i Hong Leong ("**Terma dan Syarat Berkenaan**");
 - (ii) bahawa semua rekod pemenuhan syarat kelayakan yang direkodkan oleh sistem Bank dan pemilihan Pemenang dalam Tempoh Promosi adalah muktamad dan konklusif;
 - (iii) bahawa keputusan Bank atas semua hal berkaitan dengan Promosi ini adalah muktamad, konklusif dan terikat ke atas semua Pelanggan;
 - (iv) memberi keizinan dan memberi kuasa kepada Bank untuk mendedahkan data peribadi mereka iaitu nama, alamat e-mel, nombor hubungan dan alamat rumah/pejabat, jika berkenaan, kepada vendor pihak ketiga yang sah termasuk pembekal yang dilantik oleh Bank untuk pemenuhan/penghantaran atau

pengambilan Hadiah bagi Promosi ini, dan mana-mana penyedia perkhidmatan lain yang dilantik oleh Bank untuk menyediakan SMS bagi Promosi ini seperti Infobip Asia Pacific Sdn Bhd (201001014145 (898379-U));

- (v) bertanggungjawab untuk memberikan butiran hubungan yang sah dan terkini kepada Bank termasuk nombor telefon dan alamat rumah/pejabat, dan segera memaklumkan kepada Bank sekiranya terdapat sebarang perubahan. Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya Bank tidak dapat menghubungi Pelanggan, atau sekiranya SMS tidak dapat dihantar kerana nombor telefon dan/atau alamat rumah/pejabat yang diberikan oleh Pelanggan adalah tidak tepat/tidak sah atau sekiranya SMS tidak dapat dihantar atas apa-apa sebab sekalipun;
- (vi) memberi keizinan dan memberi kuasa kepada penggunaan, pendedahan atau penerbitan data peribadi mereka oleh Bank (iaitu, nama dan nombor ID serta/atau nombor akaun yang disembunyikan) bagi Pemenang untuk tujuan pengumuman Pemenang tanpa sebarang pampasan untuk tujuan publisiti, pengiklanan atau Promosi dalam mana-mana media;
- (vii) untuk mengakses Laman Web Bank dengan kerap untuk menyemak T&S dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada T&S;
- (viii) bahawa sebarang SMS yang dihantar kepada Pelanggan bergantung sepenuhnya kepada Pelanggan mempunyai storan peti masuk yang mencukupi untuk menerima SMS tersebut serta ketersediaan dan kualiti perkhidmatan penyedia perkhidmatan rangkaian mudah alih/internet yang berkaitan, dan memahami sepenuhnya bahawa Bank tidak mempunyai sebarang kawalan sekiranya berlaku peristiwa seperti SMS tertunda, tidak dihantar atau menghadapi sebarang isu penghantaran disebabkan oleh kesesakan trafik SMS, kegagalan rangkaian dan/atau gangguan yang mungkin dialami oleh rangkaian telekomunikasi yang berkaitan (selepas ini dirujuk sebagai **"Kegagalan Rangkaian"**).
Oleh itu, Bank tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang kerugian atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Pelanggan atau mana-mana pihak ketiga daripada sebarang kelewatan atau kegagalan menerima sebarang SMS daripada Bank dan sebaliknya disebabkan oleh Kegagalan Rangkaian. Tiada rayuan mengenai kelewatan atau kegagalan tersebut akan diproses;
- (ix) bahawa faedah/keuntungan yang diperoleh tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan kredit, cek atau manfaat seumpamanya; dan
- (x) untuk bertanggungjawab dan menanggung sendiri semua cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan dalam Promosi ini.

20. Bank berhak:

- (i) dengan notis awal kepada Pelanggan, untuk menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda keseluruhan atau sebahagian T&S yang terkandung di dalam ini atau menamatkan Promosi dengan cara paparan dalam Laman Web Bank, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh Bank;
- (ii) untuk membatalkan faedah/keuntungan yang diperoleh sekiranya Pelanggan tidak mematuhi Terma dan Syarat Berkenaan; dan
- (iii) untuk menarik semula Hadiah jika terdapat sebarang penipuan atau pelanggaran yang dikesan terhadap Terma dan Syarat Berkenaan.

21. Tambahan kepada T&S di dalam ini, Pelanggan bersetuju bahawa Terma dan Syarat Berkenaan hendaklah dibaca dengan T&S ini sebagai suatu perjanjian keseluruhan.

Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, T&S di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.

22. Jika terdapat percanggahan antara T&S di sini dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau berhubung dengan Promosi ini, maka T&S dalam Laman Web Bank akan diguna pakai.
23. T&S ini tertakluk pada dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia secara eksklusif.
24. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

Ahli PIDM. Akaun eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i, Akaun Bersama eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i dan Akaun Semasa/Simpanan atau Akaun Semasa/Simpanan-i dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit (rujuk [Produk Layak untuk Perlindungan PIDM](#)).

eDeposit Tetap-i, eDeposit Tetap-i Bersama dan Akaun Semasa/Simpanan-i adalah berdasarkan kontrak Syariah Tawarruq.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai terma dan syarat, sila e-mel kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my.